

02/09/2001

Syed Anwar pengerusi panel pelaburan Tabung Haji

SERDANG: Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail, dilantik sebagai pengerusi panel pelaburan Tabung Haji yang baru, berkuatkuasa semalam.

Ini sebagai memenuhi saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang mahu Tabung Haji dianggotai lebih ramai profesional bagi menukar strategi dan mampu membuat pelaburan bijak.

Pengumuman itu dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin pada sidang media selepas merasmikan seminar kebangsaan Pengajian Ilmu Al-Quran di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Beliau berharap dengan kepakaran yang ada pada Syed Anwar akan dapat membantu Tabung Haji dalam bidang pelaburan.

Abdul Hamid juga berkata satu barisan anggota panel dari kalangan profesional akan turut dilantik tidak lama lagi bagi membantu Syed Anwar di dalam menjalankan tugasnya.

Syed Anwar, 45, mempunyai pengalaman luas dalam bidang pelaburan dan perakaunan dan pernah memegang jawatan tertinggi berkaitan bidang itu di beberapa syarikat dan agensi.

Antaranya, sebagai Juru audit Kanan Price Waterhouse, Australia, Pengurus Pelaburan D&C Nomura Merchant Bank Bhd dan Pengurus Kewangan Korporat Amanah Merchant Bank Bhd.

Beliau berkelulusan Certified Practising Accountant (CPA) dari Australia Society of Certified Practising Accountants (ASCPA), Akauntan Awam dari Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan Sarjana Muda Sastera (Perakaunan) dari Macquarie University, Sydney, Australia.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata panel pelaburan Tabung Haji akan dirombak bagi memastikan ia lebih berkesan dan mengelakkan berlakunya pelaburan tidak bijak.

Pengurusan Tabung Haji banyak diperkatakan kebelakangan ini terutama berkaitan tindakan pelaburannya bermula daripada penurunan bonus kepada penyimpan sehingga 5.5 peratus tahun lalu sedangkan pada kebiasaannya kadarnya tinggi seperti lapan peratus pada 1999.

Minggu ini, Tabung Haji menjadi tajuk berita lagi mengenai kes penipuan membabitkan pengeluaran wang kira-kira RM8 juta daripada kaunter Tabung Haji melalui pemalsuan dokumen seperti kad pengenalan dan geran tanah.

(END)